

22 MAR 1999
Mahathir-NITC
NITC TUBUHKAN LIMA KUMPULAN KERJA

CYBERJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC) hari ini menubuhkan lima kumpulan kerja bagi menumpukan perhatian kepada lima bidang utama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat majlis itu di sini berkata kumpulan kerja itu ialah untuk "E-Community", "E-Public Services", "E-Learning", "E-Economy" dan "E-Security and Sovereignty".

"Mesyuarat NITC telah membincangkan enam kertas berkaitan elektronik information dan pembentukan beberapa kumpulan tindakan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu di Cyberjaya di sini.

Beliau berkata banyak cadangan dibincangkan berkenaan sistem maklumat elektronik dan kesannya terhadap negara.

Kumpulan kerja E-Community dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, E-Public Services oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, E-Learning oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, E-Economy oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan E-Security and Sovereignty oleh Pengerusi Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

Mengikut kenyataan akhbar yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, E-Community berperanan menyediakan kemudahan kepada pihak yang berminat meningkatkan kualiti hidup dan yang berhubungan secara elektronik walaupun anggotanya berselerak di merata tempat.

E-Public Services memberi kemudahan untuk menyediakan perkhidmatan awam kepada orang ramai dan sektor perniagaan secara lebih cekap menerusi kaedah elektronik.

E-Learning berperanan meningkatkan keupayaan pertubuhan dan individu bagi mendapat dan meluaskan pengetahuan, kemahiran dan nilai menerusi interaksi secara elektronik.

E-Economy akan memudah dan menggalakkan kegiatan perdagangan dan perniagaan secara elektronik yang menyokong pembangunan ekonomi bermaklumat manakala E-Security and Sovereignty mengukuhkan identiti dan kewibawaan negara dalam dunia tanpa sempadan.

Menurut kenyataan itu, NITC telah menubuhkan Jawatankuasa Teras Pelaksanaan Strategik yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga dilantik sebagai timbalan pengerusi NITC.

Jawatankuasa itu yang dianggotai ahli pemikir dan pertubuhan strategik untuk pembangunan teknologi maklumat di Malaysia, akan merangka rancangan untuk menggalakkan penggunaan IT di semua peringkat.

-- BERNAMA
MNY MAI